



TERBITAN
01

2020
11 DIS

SIDANG REDAKSI

Penerbit:
**Program Kajian Sejarah
dan Serantau, Penang
Institute**

Penasihat:
Ooi Kee Beng

Penyunting:
Izzuddin Ramli

Penolong Penyunting:
**Nidhal Mujahid
Sheryl Teoh**

Pereka Grafik:
Nur Fitriah

© Hak cipta adalah milik
pengarang.

Segala fakta dan pendapat
adalah di bawah
tanggungjawab pengarang.
Pandangan dan tafsiran
pengarang tidak semestinya
mencerminkan pandangan
rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini
adalah dengan izin
pengarang.

PENANG
INSTITUTE
making ideas work

10 Brown Road
10350 George Town
Penang, Malaysia

(604) 228 3306
www.penanginstitute.org
suaranadi@penanginstitute.org

SUARANADI

PENANG INSTITUTE

Mencari Letak Duduk MUDA

Izzuddin Ramli

PENUBUHAN parti Ikatan Demokratik Malaysia atau ringkasnya MUDA adalah suatu usaha murni. Usaha ini bertambah penting dan sangat dialu-alukan apatah lagi ketika politik Malaysia yang secara umum masih didominasi oleh sosok-sosok tua, atau dalam bahasa yang lebih lembutnya, lama. Dengan menengahkan kelompok muda yang datang dari pelbagai latar belakang kaum, agama, dan jantina dalam barisan kepimpinan, kehadiran parti MUDA bercita-cita untuk memecahkan amalan-amalan dan struktur politik kepartian lama yang sifatnya eksklusif dan berdasarkan kaum ataupun agama.

Usaha ini bukanlah mustahil. Sejarah sudah membuktikan bahawa perubahan sering dicetuskan oleh orang muda. Perjuangan nasionalisme dan kemerdekaan negara ini dari tangan penjajah pada tahun 1957 banyak digerakkan oleh anak muda, baik melalui gerakan-gerakan sosial, parti-parti politik ataupun sekadar di dalam sayap parti. Malah, tidak hanya dalam politik kepartian, anak muda juga memiliki sumbangan yang besar dalam menggerakkan semangat kemerdekaan melalui dunia kewartawanan dan kesusasteraan.

Kita mengenal nama-nama besar seperti Sheikh Tahir Jalaluddin yang mula bergiat aktif dalam politik sejak berumur 30 tahun. Para pengasas Kesatuan Melayu Muda (KMM), sebuah pertubuhan politik sebelum

merdeka seperti Ibrahim Yaakob, Ahmad Boestamam, dan Ishak Haji Muhammad, kesemuanya masih muda ketika mula berkecimpung dalam politik. Begitu juga dengan para pemuda yang bergerak di dalam dunia kesusasteraan seperti Usman Awang, Keris Mas, ataupun Asraf kesemuanya bermula sebelum umur mereka menjejak 30 tahun.

Pada hari ini, dengan mewarisi semangat dari para leluhurnya, laungan “muda”, atau “perjuangan anak muda” tetap terdengar di mana-mana khususnya dengan penubuhan parti politik berasaskan orang muda yang sejak kebelakangan ini paling mendapat perhatian umum. Ternyata, istilah “pemuda” dan “pemudi” ada daya mobilisasi yang sangat kuat dan berkesan.

Tidak dapat tidak, topik perbincangan yang sering kali muncul dari tertubuhnya “parti MUDA” ini terarah kepada penggunaan istilah atau konsep muda itu sendiri. Dari segi bahasa, kata muda memiliki banyak pentafsiran. Buah betik misalnya, kalau masih muda, atau masih hijau warnanya, maka masih belum masak dan tidak ideal untuk dimakan. Tetapi, tidak pula untuk daun jenerih yang hanya dipetik dan dibuat ulam jika masih pucuk atau muda. Dalam politik penggunaan bahasa juga, kalau ada muda, maka pasti ada yang tua. Kalau ada yang baharu, maka ada juga yang lama. Namun, menjadi tua atau lama tidak semestinya buruk, begitu juga sebaliknya.

Kita akhirnya bertemu dengan kesulitan untuk memahami dan memaknai kata yang sering dilaungkan ini. Maka, untuk mengambil jalan yang lebih selamat, kata dan makna muda tidak harus sekadar difahami atau disempitkan dalam erti kata umur dan hanya berakhir dalam keranda politik kepartian.

Muda dan Teknikaliti

Menjadi muda adalah hal yang sangat menguntungkan. Pada usia muda sahaja orang mencuba segalanya. Jika salah mendapat maaf, jika betul mendapat puji. Biarpun demikian, membawa masuk kata muda dalam politik kepartian memiliki beban yang besar apatah lagi jika kata itu hanya menjadi modal untuk mobilisasi politik, khususnya bagi menarik kelompok orang yang berada dalam kategori umur muda.

Tidak hanya penggunaan kata muda akan meluaskan lagi pemisahan antara yang muda dan yang tua, kata muda akhirnya ditarik ke dalam permasalahan-permasalahan yang bersifat teknikal semata-mata. Sudah tentu sifatnya merendah-rendahkan dan tidak menyenangkan. Setidak-tidaknya hal ini yang terlihat dalam parti politik baharu yang dikenali dengan singkatan MUDA sejak dari awal penubuhannya.

Namun, itulah yang akan terjadi jika kata muda dibahaskan dalam konteks politik kepartian. Malah ia juga menjadi hal yang dipermasalahkan oleh pihak-pihak lawan politik. MUDA dihadapkan dengan persoalan-persoalan perwakilan anak muda dalam proses membuat keputusan, had umur, keanggotaan, masalah perlembagaan parti, kuota, dan pertandingan dalam pilihanraya. Untuk menjadi lebih nampak, maka MUDA perlu menjadi birokratik, berstruktur dan terlibat dalam politik nombor.

*Untuk menjadi lebih nampak, maka
Muda perlu menjadi birokratik,
berstruktur dan terlibat dalam politik
nombor.*

Percikan Dari Yang Lama

Jika kita berundur sedikit ke belakang, maka kita akan tahu bahawa penubuhan parti MUDA bertitik tolak dari kekecewaan sekelompok anak muda terhadap amalan politik lama khususnya terhadap sosok-sosok tua dalam politik. Sosok-sosok tua ini banyak dalam parti-parti politik yang sudah mapan. Kekecewaan ini salah satunya adalah disebabkan oleh kekurangan atau ketiadaan langsung ruang untuk anak muda melonjak naik dalam politik. Mereka kemudiannya memilih untuk bergerak secara berasingan dan menubuhkan parti politik baharu. Malah, dalam kalangan mereka ada yang bekas ahli parti politik, badan-badan bukan kerajaan, dan penggiat politik dari pelbagai jenis pemikiran.

Dengan sedaya upaya, MUDA cuba untuk dilihat berbeza dari parti-parti politik lain. Namun demikian, bayang-bayang politik lama tetap mengikuti. MUDA masih terbelenggu dalam politik identiti walaupun cuba untuk mewujudkan sebuah identiti parti yang lebih cair sifatnya. Kadang kala, keinginan untuk menjadi cair ini tidak membawa MUDA ke mana-mana. Tidak ke tepi tidak juga ke tengah.

Walaupun kurang disenangi, parti-parti politik lama seperti UMNO, PAS, DAP, PKR, atau parti-parti politik baharu yang didominasi oleh orang lama seperti Bersatu dan Amanah setidak-tidaknya jelas menentukan duduk letak orang muda dalam struktur kepemimpinan parti mereka. Dalam parti-parti ini, muda tentu sahaja ditakrifkan tidak lebih dari sekadar umur. Menjadi muda bermakna belum cukup matang dan berpengalaman. Maka dengan itu diberikan ruang bermain dan bereksperimen yang tersendiri asalkan yang muda tidak mengganggu-gugat status quo kelompok-kelompok yang sudah lama di dalam parti.

Di dalam ruang ini, kelompok muda bertungkus-lumus untuk memperoleh tempat dalam majlis tertinggi parti, menaiki tangga politik, dan seterusnya keluar dari tempat bermain sendiri. Namun, dindingnya tebal dan gerbangnya ada penjaga. Di gerbang ini idealisme anak muda biasanya mati sehingga yang disangkakan muda akhirnya tetap tua juga cara politiknya. Suka atau tidak, pemuda dan pemudi dalam

parti ini – biar gelarnya putera, puteri ataupun srikandi – tahu letak duduk mereka.

Namun, dindingnya tebal dan gerbangnya ada penjaga. Di gerbang ini idealisme anak muda biasanya mati sehingga yang disangkakan muda akhirnya tetap tua juga cara politiknya.

Kita belum menemukan yang luar biasa dari parti MUDA yang masih muda ini. MUDA hanya menarik keluar tempat bermain itu dengan harapan dapat menjadi lebih bebas untuk menentukan hala tuju sendiri. MUDA tetap sahaja berunding dengan yang “tua” atau yang “lama” cuma dalam ranah yang lebih setara. Di ranah yang setara ini akhirnya MUDA tidak berbeza dari parti-parti lain yang sudah mapan. Percaturannya adalah nombor atau berapa besar sokongan yang diperolehi dalam bentuk undi.

Maka, menjadikan muda sebagai suatu jenama kemudian menjual kata itu sudah pasti tidak mencukupi. Mahu tidak mahu, ketika memilih untuk bergerak sebagai sebuah parti politik, parti MUDA perlu juga berpihak dan dipaku oleh agenda yang jelas, bukan sekadar bertungkus-lumus memobilisasi orang muda di bawah payung yang satu.

Suatu Perjalanan Panjang

Kita masih buntu dengan pertanyaan tentang makna muda dan menjadi muda. Menyandarkan muda pada umur sahaja adalah tidak memadai. Lambat laun, yang umurnya muda pasti akan menyapa umur tua. Oleh yang demikian, muda

perlu dirampas kembali dan dimaknai dalam erti kata yang lebih luas dan substantif. Pemaknaan ini boleh jadi melalui cara berfikir, keterbukaan dan kebolehlenturan dengan idea-idea yang berseberangan, malah berani untuk mengkritik diri sendiri.

Sudah tentu yang dicari bukanlah ruang semata-mata. Perbalahan juga tidak seharusnya terjadi antara yang tua dan yang muda umurnya. Tetapi antara politik dan pemikiran yang tertakung dan tepu sifatnya. Namun, tuduhan sebegini tidak hanya boleh ditujukan kepada orang tua atau lama sahaja, orang muda juga tidak terkecuali.

Kerja-kerja untuk mencetuskan gagasan-gagasan dan wacana-wacana yang lebih baharu dan segar mengambil masa yang panjang. Anak muda tidak perlu hanya sekadar melaungkan kata “muda”, tetapi melakukan dan meneruskan proses uji coba pemikiran yang tidak terlepas dari sejarah. Uji coba ini mesti melibatkan proses berfikir, menulis, berhujah yang dialektik sifatnya. MUDA kemudiannya tidak hanya dipanggil muda tapi dirasai muda.

Tidak akan menjadi muda sekalipun semua pemuda dan pemudi di negara ini berpayung di bawah parti yang digelar MUDA kalau yang kemudian terjadi adalah politik sosok atau politik yang mengidolakan pemimpin. Tidak akan menjadi muda kalau segala hak dan penentuan nasib sendiri diserahkan kepada beberapa sosok pemimpin “muda” sahaja.

Menubuhkan sebuah parti politik khas untuk anak muda bukanlah suatu perjuangan, matlamat, ataupun kejayaan besar. Ianya adalah salah satu jalan dari banyak jalan lain ke arah matlamat yang lebih substantif. Kita tidak mahu kalau akhirnya muda dianggap hanya pada umur dan parti MUDA sekadar ruang bermain baharu bagi sebilangan anak muda yang hanya cuba untuk berjinak dengan kuasa.



Izzuddin Ramli adalah penyelidik di Program Kajian Sejarah dan Serantau, Penang Institute.